

**PANDUAN PENGGUNAAN KOMPUTER (*THIN CLIENT*)
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1.0 TUJUAN PANDUAN

Panduan ini diketengahkan bagi menetapkan kaedah penggunaan Komputer (*Thin Client*) di Perpustakaan UMS.

2.0 SKOP PANDUAN

Panduan merangkumi semua penggunaan *Komputer (Thin Client)* dan tidak terhad kepada capaian laman web, pemindahan data atau maklumat dan penghasilan kerja berkaitan dengan universiti.

Panduan ini disediakan bagi memastikan pengguna beretika dan berdisiplin semasa menggunakan Komputer (*Thin Client*). Ini juga adalah salah satu usaha dalam mengawal penyalahgunaan kemudahan komputer di Perpustakaan.

3.0 PANDUAN PENGGUNAAN KOMPUTER (*THIN CLIENT*)

3.1 Peminjaman Komputer (*Thin Client*) hanya terhad kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah dan pengguna yang berdaftar di Perpustakaan sahaja. Bagi Ahli Luar, **HANYA** dibenarkan setelah mendapat kebenaran dari Pustakawan yang bertugas.

3.2 Pengguna **HANYA** dibenarkan untuk melayari laman-laman yang dibenarkan oleh Perpustakaan seperti laman yang berbentuk akademik atau ilmiah sahaja.

3.3 Pengguna adalah **DI LARANG** melayari laman-laman yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan, hiburan dan permainan (*games*). Perpustakaan **BERHAK** menamatkan penggunaan Komputer (*Thin Client*).

3.4 Pengguna **TIDAK** dibenarkan sama sekali memasang sebarang perisian (*install*) di dalam Komputer (*Thin Client*).

3.5 Pengguna **TIDAK** dibenarkan mencabut atau mengalih wayar (contoh; kabel kuasa dan kabel internet) yang dihaskan untuk Perkhidmatan Komputer (*Thin Client*) untuk tujuan peribadi.

3.6 Pengguna haruslah menutup (*close*) semua laman yang dilayari apabila selesai menggunakan Perkhidmatan Komputer (*Thin Client*).

3.7 Kakitangan Perpustakaan UMS **BERHAK** menegur, menapis, menegah dan mengambil tindakan ke atas pengguna yang melanggar peraturan yang telah dinyatakan dan lain-lain kesalahan yang tidak dinyatakan dari masa ke masa.

4.0 PENUTUP

4.1 Polisi ini disediakan bagi memantapkan lagi Perkhidmatan penggunaan *Komputer (Thin Client)*.

4.2 Polisi ini akan dikaji semula setiap tahun mengikut kesesuaian semasa bagi tujuan pengemaskinian dan penambahbaikan bagi memantapkan lagi perkhidmatan penggunaan *Komputer (Thin Client)* dari masa ke masa.

Disediakan oleh

PERPUSTAKAAN UMS

17 Januari 2017